

04/02/1998

Kuantan wujudkan konsep bandar dalam taman

Noorwati Salleh

PELAWAT ke bandar Kuantan, mungkin berasa dia berada dalam sebuah taman yang indah dan dipenuhi pelbagai jenis pokok bunga berwarna-warni serta wangi.

Inilah hasrat Kerajaan Pahang yang mahu bandar Kuantan mempunyai identiti tersendiri supaya sentiasa menjadi sebutan dan ingatan pengunjung, mahupun penduduk tempatan.

Selaras konsep 'Bandar Dalam Taman' yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mahu merealisasikan impian itu secepat mungkin.

Ia sedang melaksanakan program khas untuk mewujudkan suasana terbabit, sekali gus menjadi bandar Kuantan sebuah taman yang indah.

MPK bergerak pantas untuk mengotakan hasrat Perdana Menteri itu dengan mengadakan pelbagai program berpandukan Landscape Characteristic Plan (LCP) (Pelan Ciri-Ciri Lanskap).

Kini, beberapa kawasan di sekitar bandar itu kelihatan berwarna-warni dengan hiasan pelbagai jenis bunga tempatan dan luar negara secara bermusim.

Selain itu, 'Pulau Trafik' di Jalan Tun Ismail, Jalan Bukit Ubi, Jalan Mahkota, Jalan Telok Sisek, depan pejabat pos dan simpang Padang Lalang ditanam dengan pelbagai pokok renek dan bunga.

Antaranya pokok bunga 'sepanjang masa' seperti lagerstronia indica yang berwarna merah jambu, arachis (kuning), ixora sunkist (merah), lantana (pelbagai warna), tagetes erecta (kuning keemasan), celosia (merah gelap), glombusta (ungu), matahari renek dan kemunting cina renek.

Bagaimanapun, sesetengah bunga import itu cuma dapat bertahan sebulan sebelum ditukar dengan pokok lain.

Menurut Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Saib, 'Pulau trafik' yang kurang diberikan perhatian dihiasi dengan pelbagai pokok bunga bagi menarik perhatian pemandu kenderaan.

Beliau berkata, pemandu sudah tentu dapat menghargai kecantikan kawasan itu, sekali gus mengurangkan ketegangan mereka ketika memandu.

"Kita menanam pelbagai pokok wangi tempatan seperti kenanga, cempaka, tembesu, melur, susu kelapa di taman rekreasi dan jalan utama," katanya.

Bagi merencanakan lagi program mengindahkan bandar Kuantan, menurutnya, Jabatan Taman diperuntukkan RM5 juta bagi perbelanjaan pengurusan dan pembangunan tahun ini.

"Kita mengorak langkah menanam pelbagai jenis pokok bunga berwarna-warni dan wangi di kawasan tertentu, termasuk sepanjang jalan di sekitar bandar ini bagi mewujudkan suasana indah, cantik dan nyaman. Kita mahu memastikan kawasan berkenaan mempunyai identiti tersendiri," katanya.

Selain itu, Mohamad berkata, Malaysia masih kekurangan pokok berwarna-warni dan wangi, walaupun negara mempunyai 14,000 spesies flora dan 2,600 jenis pokok.

"Oleh itu, kita berusaha untuk menanam pokok bunga jenis itu, bagi menceriaikan lagi bandar di negara ini," katanya.

Berikutan kegawatan ekonomi negara, MPK melalui Jabatan Taman berhasrat membiak sendiri bunga jenis itu dengan mendapatkan kepakaran daripada negara pengeluar seperti Holand dan Perancis.

Pada masa ini, katanya, MPK mendapat bekalan pokok bunga import daripada syarikat tempatan.

"Benih yang diperolehi daripada pokok itu tidak dapat membiak dengan

baik di negara ini kerana kita tidak mempunyai kepakaran menyelia pokok bunga iklim sederhana itu," katanya.

Beliau berkata, Taman Pasif, berhampiran kediaman Menteri Besar, akan dijadikan pusat semaian dan pembiakan pokok bunga bermusim import itu dan tempatan, selain pokok wangi, seperti kenanga, tembesu, tanjung, susu kelapa, melur dan cempaka.

Dalam tempoh tiga atau lima tahun nanti, taman berkenaan akan menjadi pusat pengeluaran pelbagai pokok bunga berwarna-warni dan wangi.

Ia boleh dikunjungi orang ramai dan mereka yang berminat boleh membeli benihnya.

Menurut Mohamad, dengan adanya LCP, MPK dapat mewujudkan pelbagai lanskap mengikut ciri tertentu, termasuk keadaan tempat dan budaya.

"Kita akan mewujudkan lanskap ekologi di pinggir Sungai Kuantan, bukit dan pantai, lanskap budaya di Jalan Besar, Jalan Mahkota, Dataran Teruntum dan Pusat Kraftangan dan SRJK (C) Kuang Hwa."

"Lanskap nostalgia pula di taman tepi sungai dan Jalan Bukit Ubi, lanskap taman hijau di taman rekreasi, lanskap pertanian dan pelbagai lanskap lain," katanya.

(END)